

***IKHLAS*link Regular Top Up
Secure Takaful Rider**

1. **IKHLASlink Regular Top-Up Secure Takaful Rider**

Melindungi ketidaktentuan kehidupan. *IKHLASlink* Regular Top-Up Secure Takaful Rider adalah rider yang berbayar dengan Sumbangan Takaful yang boleh disertakan kepada pelan Takaful berkaitan pelaburan di mana Sumbangan Takaful adalah berkala. Rider ini menyediakan pilihan untuk melabur secara tetap di dalam dana-dana berkaitan pelaburan yang terpilih.

Pelan Rider ini hanya boleh disertakan dengan Pelan Asas.

2. **Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?**

Rider ini tidak menawarkan manfaat Takaful.

3. **Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?**

Sumbangan Takaful minimum ialah RM120.00 setahun dan dalam gandaan RM10.00.

4. **Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?**

Yuran Wakalah	5.25%
Komisyen	3.75%

* Komisyen adalah sebahagian daripada yuran Wakalah.

5. **Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?**

- a) Kepentingan pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- b) Tempoh Bertenang – anda boleh membatalkan Sijil Tambahan Takaful dengan mengembalikan Sijil Tambahan Takaful tersebut kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Tambahan Takaful diterima. Syarikat akan membatalkannya dengan serta-merta setelah penerimaannya.
- c) Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, jumlah terkumpul di dalam Dana Unit daripada Sijil Takaful Asas boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam Dana Unit daripada Sijil Takaful Asas (berkemungkinan menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
- d) Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan-sumbangan Takaful.
- e) Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami.
- f) Takaful Ikhlas Berhad adalah didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

6. Syarat dan Had Umur

a) Umur Kemasukan:

30 hari – 60 tahun, umur pada hari jadi akan datang, lelaki/perempuan

b) Umur Matang:

Sehingga umur 100 tahun, umur pada hari jadi akan datang

7. Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Tiada sebarang pengecualian yang akan dikenakan.

8. Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

Jika anda mendapati rider ini tidak lagi bersesuaian, anda boleh membatalkannya dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis.

9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan, sila rujuk kepada buku insurance info mengenai 'Takaful Berkaitan Pelaburan', yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my.

11. Produk seumpama yang boleh didapati?

Tiada

NOTA PENTING:

INI ADALAH PRODUK TAKAFUL YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI DARIPADA ASET-ASET PENDASAR, DAN INI BUKANLAH PRODUK PELABURAN SEBENAR SEPERTI UNIT AMANAH SAHAM. PULANGAN KE ATAS DANA PELAN BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.